



**AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN
KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

KENYATAAN MEDIA

**PENAHANAN DUA PEGAWAI WANITA AGENSI ANTIDADAH
KEBANGSAAN OLEH SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH
MALAYSIA DI KEDAH**

KAJANG, 13 Februari 2026 – Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) ingin merujuk kepada laporan penahanan dua pegawai wanita agensi ini oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Kedah bagi membantu siasatan berkaitan meminta dan menerima rasuah.

AADK menyerahkan proses siasatan kepada pihak SPRM dan komited untuk memberikan kerjasama sepenuhnya dalam siasatan tersebut.

AADK sama sekali tidak akan berkompromi mahu pun melindungi mana-mana pegawai atau kakitangan yang terlibat dalam salah laku dan pelanggaran integriti yang boleh menjejaskan reputasi agensi dan perkhidmatan awam.

Mana-mana pegawai atau kakitangan yang terbukti terlibat akan diambil tindakan tegas berlandaskan peruntukan perundangan sedia ada.

TAMAT



**DATO' RUSLIN BIN JUSOH
KETUA PENGARAH
AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN**